

Yaacob jelas t-jawab kerabat2

12 OCT 1978

Persisi

KERABAT-KERABAT Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah diingatkan tentang tanggungjawab mereka untuk menghidupkan terus seni silat agar sama tarafnya dengan lain-lain jenis seni mempertahankan diri di Republik ini.

Setakat ini, kata Haji Yaacob Mohamed, telah berjaya mereka hasil, bukan mata masyarakat pura, malah pada gara-negara jiran tangga.

Dalam masa tiga tahun sekutuan itu ditubuhkan, seni silat telah tumbuh dengan baik, tetapi kerabat-kerabat mestinya berusaha untuk terus membajalnya dan memeliharanya agar jangan rosak.

Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke India, Haji Yaacob yang juga presiden Persisi, menyatakan demikian dalam majlis ramah-tamah anjuran Persisi di balai rakyat Eunos Crescent malam semalam.

Dia menegaskan bahawa kerabat-kerabat persekutuan itu hendaklah berdisiplin, sekiranya mereka ingin Persisi keteruskan seni silat dan berkhidmat kepada masyarakat dan negara.

Jasmani

Haji Yaacob telah menganjurkan supaya wakil-wakil kerabat yang dipilih menduduki jawatankuasa Persisi di masa depan supaya berikrar dan mengangkat sumpah tidak akan membocorkan rahasia dan perkara-perkara yang diputuskan dalam mesyuarat.

Dan pada setiap 16 Jun — tarikh penubuhan Persisi — diadakan perayaan yang disertai oleh semua anggota kerabat, di mana bendera Persisi dikibarkan dan lagu Persisi dilantunkan. Dalam perayaan ini, ahli-ahli kerabat akan berikrar untuk menghidupkan dan mengembangkan seni silat.

Persekutuan silat Asean mungkin ditubuh thn depan

pencak silat 10 NOV 1978

PEMBENTUKAN sebuah persekutuan silat Asean yang telah dipersetujui oleh tiga buah negara pada pertengahan tahun ini di Indonesia, mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan segera.

Sungguhpun Indonesia, Singapura dan

Malaysia telah bersetuju agar persekutuan ini dibentuk sebelum akhir tahun ini, tetapi besar kemungkinan ia hanya dapat dibentuk tahun depan, itupun jika segala-galanya berjalan dengan baik.

Indonesia yang telah dilantik menjadi sekretariat persekutuan yang

diura-urakan ini, diberi tugas untuk mengumpul dan merangka perlembagaan persekutuan itu.

Dalam usul pembentukan persekutuan ini, ketiga-tiga negara dikatakan telah bersetuju bahawa pembentukan sebuah persekutuan Asean ini akan diusahakan oleh badan-badan silat kebangsaan ketiga-tiga negara ini.

Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi) telah berusaha menjayakan pembentukan persekutuan ini bagi Singapura sementara Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) bertindak untuk Indonesia.

Malaysia tidak mempunyai sebuah badan silat Kebangsaan untuk melaksanakan urusan pembentukan ini di Malaysia. Urusan ini dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Oleh kerana keadaan ini, mungkin pembentukan sebuah persekutuan silat Asean ini hanya dapat dijalankan selepas Malaysia membentuk badan silat Kebangsaannya.

Tuanrumah

Ini mungkin dilakukan tahun depan kerana Malaysia telah dilantik untuk menjadi tuanrumah dalam Kejohanan Silat Asean tahun depan.

Tujuan membentuk sebuah persekutuan silat Asean ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan negara ini dalam memperkembangkan seni silat di rantau ini.

Adalah difahamkan bahawa sekiranya persekutuan ini berjaya dibentuk, anggota-anggota lain Asean — Thailand dan Filipina — akan diundang untuk menjadi anggota persekutuan tersebut.

Kedua-dua negara ini tidak menyertai pertandingan-pertandingan silat Asean yang telah dijalankan. Dan besar kemungkinan juga mereka tidak akan menyertai pertandingan yang akan dijalankan tahun depan.

Katanya, dari masa ke semasa, Persisi hendaklah mencari pembaharuan agar silat dapat dijadikan sebagai sejenis sukan yang dapat diketengahkan kepada masyarakat Singapura.

"Kita mesti mengkaji sedalam - dalamnya segalah aspek silat - dari jurus hingga gerak langkah - agar ia menjadi suatu seni atau latihan jasmani yang berfaedah dan dapat diikuti oleh lain-lain kaum," dia menegaskan.

Haji Yaacob juga menggesa Persisi supaya meninjau perkembangan seni silat keratauan dan bekerjasama dengan negara-negara jiran Indonesia dan Malaysia.

Dia menyatakan bahawa dia sendiri akan ke Indonesia tahun depan untuk mengkaji sejarah silat di sana, sebagai langkah pertama untuk menghidupkan seni itu.